

Pas mahu pindaan mengikut prinsip2 Islam

Negara Malaysia

Bahan asal dari Arkib

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pas hari ini mendesak kerajaan meminda perlembagaan supaya ia berlandaskan prinsip-prinsip dan perundangan Islam.

Desakan itu terkandung dalam memorandumnya kepada kerajaan yang menekankan rasa tidak setujunya dengan bentuk pindaan perlembagaan yang ada sekarang.

Memorandum itu dihantar kepada Perdana Menteri Timbalan Perdana Menteri melalui pos.

Dalam sidang akhbar di sini, Naib Yang Dipertua Pas, Haji Mohd Nakhie Ahmad, berkata partinya memandang berat-isu pindaan perlembagaan.

"Kami mahukan negara ini diperintah secara syura (musyawarah) yang berasaskan kepada undang-undang luhur yang dibentuk mengikut prinsip-prinsip yang menjamin keadilan undang-undang itu.

"Dengan melaksanakan perlembagaan berpandukan kepada prinsip-prinsip perundangan Islam, ia akan membentuk satu kaedah yang paling lengkap dan kukuh bagi memelihara keadilan sesuatu undang-undang," ujarnya.

Sementara itu, Umno cawangan Air Mawang dalam bahagian Kuala Pilah mengambil ketetapan menyokong dan berdiri teguh di belakang kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir mengenai isu pindaan perlembagaan.

Ketetapan itu diambil dalam mesyuarat jawatankuasa cawangan itu baru-baru ini.